

KEKOSONGAN JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

JAWATAN

PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS13 / DS14 / GRED KHAS C

BIDANG

Sains Fizik dengan pengkhususan:

- a) **Fizik Tulen**
- b) **Fizik Keadaan Pepejal**

KELAYAKAN

- a) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) daripada institusi pendidikan tinggi tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dalam bidang Fizik Tulen dan/atau Fizik Keadaan Pepejal atau yang berkaitan Sains Fizik; **DAN**
- b) Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

SYARAT MINIMA

1) PENSYARAH UNIVERSITI GRED KHAS C (PROFESOR)

- a) 20 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) dengan sepuluh (10) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS/Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya 15 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*)

dan kombinasi lima (5) penerbitan bab buku penyelidikan dan buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b) Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM200,000.
- c) Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum dua (2) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d) Pengijazahan minimum dua (2) pelajar PhD atau DrPH sebagai Penyelia Utama.
- e) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan **DAN** dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat antarabangsa.
- f) Mempunyai perundingan luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM100,000.00.
- g) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) penglibatan di peringkat Universiti **DAN** tiga (3) penglibatan di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

2) PENSYARAH UNIVERSITI DS14 (PROFESOR MADYA)

- a) 10 penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (Corresponding Author/First Author) dengan lima (5) penerbitan dalam Q1/Q2 di jurnal WoS/Scopus

ATAU

Sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (Corresponding Author/First Author) **DAN** empat (4) penerbitan bab buku penyelidikan atau satu (1) buku penyelidikan.

DAN

Satu (1) penerbitan Bahasa Melayu dalam bidang kepakaran.

- b) Geran luar di peringkat kebangsaan/antarabangsa yang kompetitif dan disahkan SELESAI sebagai Penyelidik Utama dengan dana kumulatif minimum RM100,000.00.

- c) Mempunyai pengalaman pengajaran minimum 36 unit kredit **DAN** minimum satu (1) jenis inovasi dalam penyampaian, penilaian dan penyeliaan.
- d) Mengijazahkan minimum satu (1) pelajar PhD **ATAU** DrPH sebagai Penyelia Utama.
- e) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) lantikan sanjungan akademik di peringkat kebangsaan.
- f) Mempunyai perundingan luar luar (termasuk *contract research* / latihan / perkhidmatan atau sebarang bentuk penajaan kewangan dalam bidang kepakaran) sebagai Ketua Projek – Komuniti / Industri yang disahkan SELESAI dengan dana kumulatif minimum RM40,000.00.
- g) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) penglibatan di peringkat Jabatan/Pusat Pengajian/Pusat **DAN** dua (2) penglibatan di peringkat Universiti/kebangsaan/antarabangsa.

3) PENSYARAH UNIVERSITI DS13

- a) Mempunyai sekurang-kurangnya empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks (WoS/Scopus) sebagai Penulis Koresponden/Penulis Pertama (*Corresponding Author/First Author*) serta membuktikan tahap kecemerlangan dalam penyelidikan.
- b) Mempunyai pengalaman pengajaran sekurang-kurangnya satu (1) semester / pengalaman dalam bidang industri tiga (3) tahun minima / Pasca Doktorat dua (2) tahun minima.

KRITERIA TAMBAHAN

- a) Mempunyai tahap kesihatan emosi dan mental yang baik, bersikap positif serta bersedia menghadapi cabaran besar demi kecemerlangan Universiti.
- b) Menunjukkan sifat kreatif dan inovatif serta dedikasi yang tinggi sebagai seorang pendidik, yang aktif dalam pengajaran, penyelidikan, perundingan, penerbitan serta khidmat kepada masyarakat.
- c) Mempunyai pengalaman menjalankan penyelidikan dan rekod pencapaian yang baik dalam penerbitan serta berpengalaman dalam pengajaran dan latihan.

SPESIFIKASI TUGAS

- a) Memohon dan/atau terlibat dalam geran penyelidikan sebagai Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama.
- b) Menerbitkan hasil penyelidikan dalam jurnal berindeks yang bereputasi (WoS/Scopus).

- c) Calon yang berjaya dikehendaki menjalankan pengajaran, penyelidikan dan penyeliaan dalam bidang Fizik Tulen dan Fizik Keadaan Pepejal.
- d) Bertanggungjawab menyelia pelajar pascasiswazah.
- e) Melibatkan diri dalam aspek khidmat kepada Universiti, perhubungan dengan pihak industri, perundingan, pengkomersilan dan perkhidmatan dalam kepimpinan akademik.

CARA MEMOHON

Sila majukan melalui email butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **27 Februari 2026** kepada:

**DEKAN
PUSAT PENGAJIAN SAINS FIZIK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
11800 PULAU PINANG
EMAIL : dean_phy@usm.my**

Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga